

BH 20 APR 2001 Daim bercuti dua bulan

GENTING HIGHLANDS, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan Tun Daim Zainuddin, sedang bercuti dua bulan, tetapi enggan mengulas ura-ura kemungkinan Menteri Kewangan itu berbuat demikian sebelum meletak jawatan.

"Itu kena tanya dia lah. Kalau tanya saya... tak boleh, kalau saya jawab nanti, dia marah pulak," kata Perdana Menteri apabila ditanya sama ada percutian itu langkah pertama Daim sebelum mengundurkan diri dari Kabinet.

Beliau berkata, sepanjang cuti dua bulan itu, tempat Daim dalam Kabinet diwakili Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz, dan tiada menteri yang dilantik sebagai Pemangku Menteri Kewangan.

"Dia ambil cuti dua bulan. Waktu ini, Nazri mewakilinya dalam Kabinet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Perdana Pendidikan Nasional 2001 di Institut Aminuddin Baki, di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas khabar angin yang

menyebut Daim sudah mengemukakan permohonan bercuti selama tiga bulan dan tempatnya dipangku oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ditanya apakah alasan Daim mengambil cuti panjang, beliau berkata: "Dia letihlah. You orang kacau dia banyak sangat... tanya dia tak berhenti-henti, kecam dia berkenaan MAS (Penerbangan Malaysia) dan itu... ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya,

Daim masih berada di pejabat untuk menyemak dokumen dan surat rasmi, walaupun sedang bercuti.

"Dia ambil cuti dua bulan, dia kerja teruk sangat. Walaupun cuti, dia masih tengok dokumen-dokumen, surat-surat dia," katanya.

Ditanya mengapa tiada pelantikan bagi memangku jawatan Menteri Kewangan sepanjang percutian Daim, beliau berkata ia tidak perlu kerana Daim masih berada di pejabatnya.

Sementara itu, sumber yang rapat dengan Menteri Kewa-

ngan itu memberitahu Daim mengambil cuti dua bulannya mulai awal bulan ini iaitu kali pertama berbuat demikian sejak kembali berkhidmat dalam kerajaan pada Disember 1997.

Ketika itu, Daim dilantik Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan pada Jun 1998, kembali ke dalam Kabinet apabila dilantik Menteri Tugas-Tugas Khas, kemudian sebagai Menteri Kewangan Satu.

LIHAT MUKA 2

Daim masih ke pejabat walaupun sedang bercuti

DARI MUKA 1

"Sejak itu, Tun Daim tidak pernah mengambil cuti. Dia mahu bercuti dua minggu tahun lalu, tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana tugas yang banyak. Walaupun, sedang bercuti sekarang, dia masih datang ke pejabat setiap hari termasuk hari ini," katanya.

Malah, katanya, Daim sudah bercuti ketika merasmikan mesyuarat Menteri Kewangan Asean pada 7 April lalu dan

minggu lalu pula menghadiri mesyuarat MTEN.

"Mesyuarat Kabinet adalah acara rasmi yang tidak dihadapinya. Isnin ini pula, Tun Daim dijangka merasmikan persidangan mengenai pentadbiran korporat dan melawat kawasan Parlimennya di Merbok, Khamis depan.

"Tun Daim juga berhak untuk berehat dengan mengambil cuti," katanya.

BH 20 APR 2001